

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

260 kes positif, rekod harian kedua tertinggi negara

Trend semakin membimbangkan, empat kluster baharu dikesan di Selangor, Sabah, Putrajaya, Kedah

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penularan COVID-19 dalam negara semakin membimbangkan dengan 260 kes positif baharu direkodkan semalam, kedua tertinggi selepas 4 Jun lalu dengan 277 kes.

Bezanya, kebanyakan kes direkodkan semalam membabitkan penularan dalam negara, sedangkan kes dikesan pada 4 Jun lalu majoritinya membabitkan warga asing di Depoh Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil, di sini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, mengakui trend itu membimbangkan kerana ketika negara mencatat kes tertinggi pada 4 Jun, sebanyak 270 kes adalah dalam kalangan bukan warganegara, manakala yang membabitkan penularan tempatan hanya empat kes.

Bilangan kes ketiga tertinggi pula, katanya dicatat 26 Mac lalu semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), iaitu 235 kes terdiri 27 kes import dan 208 penularan dalam negara membabitkan 157 warganegara dan 51 bukan warganegara.

Mengulas statistik harian, be-

liau berkata hanya satu kes import dicatatkan daripada jumlah kes semalam, manakala 259 lagi membabitkan penularan dalam negara.

Beliau berkata, daripada kes penularan tempatan itu, 31 kes dikesan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) terdapat 47 kes sembuh dilaporkan menjadikan 10,014 keseluruhan kes sembuh bersamaan 87.20 peratus daripada jumlah kes.

"Tiada pertambahan kematian baharu disebabkan COVID-19 direkodkan dan jumlahnya kekal 136 kes atau 1.18 peratus daripada keseluruhan kes," katanya ketika sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham mengesahkan empat kluster baharu dikesan di Selangor, Sabah, Putrajaya dan Kedah semalam.

Katanya, Kluster Jalan Meru di Selangor di Klang membabitkan kes indeks seorang lelaki warga tempatan berusia 30 tahun yang mula bergejala 24 September sebelum dikesan positif lima hari kemudian dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh (HSB).

"Susulan saringan kontak ra-



Dr Noor Hisham Abdullah

pat, Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan tiga lagi kes positif dalam kluster ini yang semuanya membabitkan warganegara.

"Kluster Joo Hwa di Tawau, Sabah pula membabitkan kes indeks seorang lelaki warganegara berusia 31 tahun yang mula bergejala 14 September, sebelum disahkan positif pada 20 September. Saringan kontak rapat mendapati empat lagi kes positif COVID-19 dalam kluster itu," katanya.

Kluster Selasih di Putrajaya pula, katanya dikenal pasti hasil saringan kes indeks lelaki tempatan

berusia 37 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Kota Kinabalu, Melangkap dan Kundasang, Sabah pada 13 hingga 20 September dan 24 hingga 27 September lalu.

"Kes mula bergejala demam dan batuk sejak 25 September dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dua hari kemudian se-

belum dikesan positif pada 28 September.

"Susulan itu, enam lagi kes positif bagi kluster itu dikenal pasti hasil saringan kontak rapat membabitkan warga tempatan dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan.

"Yang terakhir, Kluster Bah Ketil di Baling dan Langkawi membabitkan kes indeks lelaki tempatan berusia 39 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Tawau, Sabah pada 17 hingga 21 September.

"Saringan kontak rapat dijalankan dan lapan lagi kes positif COVID-19 termasuk tiga warga tempatan bagi kluster itu dikenal pasti," katanya mengesahkan kes ini dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah dan Hospital Langkawi untuk rawatan.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, mutasi jenis D614G yang terdapat dalam Kluster Benteng LD di Sabah dikesan datang dari Indonesia dan Filipina, berbeza dengan mutasi jenis sama di Kedah yang dikesan berasal dari India.

"Kalau kita lihat di Kedah, memang makmal Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dah mengenali pasti virus dikesan daripada Kluster PUI Sivagangga, Tawar dan Sungai dipercayai datang dari India.

"Virus di Kedah dan Sabah bukan 'strain' sama. Jenis virus D614G daripada kumpulan sama, tetapi ciri-ciri tak sama," katanya.

KKM jangka kemungkinan gelombang kedua

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan kemungkinan bermula gelombang 'baharu' penularan COVID-19, berdasarkan carta lonjakan kes yang merekodkan angka jangkitan baharu kedua tertinggi, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sejak akhir-akhir ini, negara mencatatkan peningkatan kes positif wabak berkenaan.

Justeru, beliau menegaskan, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk melandaikan semula lengkung jangkitan itu.

"Terpulang kepada kita untuk melandaikan lengkung itu. Kita sudah melakukannya sebelum ini dan kita boleh melakukannya sekali lagi.

"Namun kali ini, kita sudah ada pengalaman," katanya pada sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tindakan kesihatan awam sudahpun dilaksanakan di Sabah, dua minggu sebelum pengumuman mewajibkan individu pulang atau datang dari Sabah untuk menjalani saringan COVID-19 bermula 27 September lalu hingga 10 Oktober ini.

Berikutan tindakan kesihatan awam itu, katanya, KKM berupaya melaporkan pengesanan kes jangkitan harian.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Ciapan KP KKM sebagai satu peringatan

Kuala Lumpur: Ciapan balas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang seolah-olah memberikan banyangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan semula tular di media sosial sejak kelmarin.

Dr Noor Hisham membalas ciapan pemilik akaun @zalifahms yang mencajangkan supaya kerajaan menyekat perjalanan antara negeri buat sementara waktu dan tidak memberi kelonggaran kuarantin sendiri.

"Bagaimana jika semua kembali kekal berada di rumah untuk seketika?" tulis Dr Noor Hisham.

Ciapan balas itu tular di media sosial apabila netizen mula memberi reaksi balas apabila merasakan PKP akan dilaksanakan semula.

Sementara itu, dalam sidang media di Putrajaya semalam, Dr Noor Hisham menjelaskan bahawa ciapan itu bukan perkara baharu, sebaliknya sebagai peringatan kepada rakyat.

"Saya tweet dari hari pertama lagi iaitu untuk mengingatkan semua rakyat Malaysia yang tiada urusan penting di luar adalah dinasihatkan supaya duduk di rumah.

"Kalau nak keluar rumah kerana urusan penting, patuh kepada prosedur operasi standard (SOP), itulah tujuan utama saya tweet.

"Amalkan 3W dan elakkan 3S, itu yang kita mohon (daripada) rakyat Malaysia," katanya.

Kes harian kedua tertinggi

Sebanyak 260 kes baharu koronavirus direkodkan semalam



Oleh Suraya Roslan dan Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 260 kes baharu direkodkan, semalam sekali gus merekodkan kes harian kedua tertinggi pernah dicatatkan di negara ini yang menjadikan keseluruhan kes kepada 11,484 dengan jumlah kes aktif 1,334.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hanya satu kes import direkodkan di Kuala Lumpur membabitkan pengembara bukan warganegara dari United Kingdom.

"Daripada 259 kes penularan dalam negara, 118 dilaporkan di Sabah, Kedah (98), Kuala Lumpur (13), Selangor (13), Johor (5), Putrajaya (5), Terengganu (2), Perlis (2) dan satu kes di Melaka, Pahang serta Pulau Pinang.

"Daripada jumlah itu, 130 kes membabitkan individu tempatan manakala 129 bukan warganegara dengan 31 kes mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah, sekali gus menjadikan jumlah kes mempunyai sejarah ke negeri terbabit adalah 119 kes," katanya di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 20 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan tiga kes memerlukan bantuan pernafasan.

KES POSITIF MENGIKUT NEGERI Setakat jam 12 tengah hari, 1 Oktober 2020

Kes baharu 260 | Bilangan kes positif 11,484 | Jumlah kematian 136 | Unit Rawatan Rapi (ICU) 20 | Jumlah discaj 10,014



1 Perlis	38	2	9 Melaka	267	1
2 Kedah	465	98	10 Johor	772	5
3 P Pinang	145	1	11 Kelantan	164	0
4 Perak	271	0	12 Terengganu	122	2
5 Selangor	2,284	13	13 Pahang	380	1
6 K Lumpur	2,686	14	14 Sawarak	713	0
7 Putrajaya	105	5	15 Labuan	28	0
8 N Sembilan	1,049	267	16 Sabah	1,955	118

PETUNJUK Kes positif Tambahan kes positif

Sumber: CPKC KKM

INFOGRAFIK Metro

4 kluster baharu - Jalan Meru, Joo Hwa, Selasih, Bah Ketil

Kuala Lumpur: Empat kluster baharu dikenal pasti semalam yang dilaporkan di Selangor, Sabah, Putrajaya dan Kedah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks bagi Kluster Jalan Meru dilaporkan di Klang, Selangor membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 30 tahun yang bergejala sejak 24 September lalu.

"Saringan Covid-19 dikesan positif pada 29 September dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan tiga lagi kes positif membabitkan warganegara direkodkan bagi kluster ini.

"Mereka dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan. Kontak rapat sedang dikenal pasti dan saringan sedang dirancang oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang terbabit," katanya pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, satu lagi kluster baharu yang dikenal pasti adalah Kluster Joo Hwa dilaporkan di Tawau, Sabah dengan kes indeks membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 31 tahun.

"Lelaki terbabit mula bergejala demam dan batuk sejak 14 September lalu sebelum saringan dilakukan didapati positif pada 20 September lalu.

"Saringan kontak rapat dijalankan dengan empat lagi kes positif dikenal pasti, semuanya membabitkan warganegara dan mereka dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan.

"Sehingga jam 12 tengah hari (semalam), seramai 126 individu disaring dengan lima dikesan positif manakala 11 individu negatif dan 110 individu masih menunggu keputusan," katanya yang turut memaklumkan punca jangkitan kluster itu masih dalam siasatan.

Beliau berkata, satu lagi kluster dikenal pasti di Putrajaya iaitu Kluster Selasih dengan kes indeks membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 37 tahun yang

mempunyai sejarah perjalanan ke Kota Kinabalu, Melangkap dan Kudasang, Sabah pada 13 hingga 20 September serta 24 hingga 27 September lalu.

"Individu itu mula bergejala demam dan batuk sejak 25 September lalu serta lelaki berkenaan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 27 September lalu sebelum saringan dilakukan didapati positif pada tarikh 28 September lalu.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dengan enam lagi kes positif Covid-19 membabitkan warganegara bagi kluster berkenaan dikenal pasti dan di-

masukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan.

"Sehingga jam 12 tengah hari (semalam), seramai 28 individu disaring dengan tujuh daripadanya dikesan positif manakala lapan lagi negatif dan 13 individu masih menunggu keputusan. Punca jangkitan kluster ini masih dalam siasatan," katanya.

Katanya, satu kluster baharu iaitu Kluster Bah Ketil dikenal pasti di Baling dan Langkawi, Kedah dengan kes indeks membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 39 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Tawau, Sabah pada 17 hingga 21 September lalu.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! JUMAAT 2 OKTOBER 2020

Negara bimbang berdepan gelombang ke-3

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan melahirkan kebimbangan penularan gelombang ketiga Covid-19 selain peningkatan kes serta kluster-kluster baharu yang dikesan di seluruh negara.

Semalam, kes harian Covid-19 merekodkan jumlah kedua tertinggi pernah dicatatkan di Malaysia dengan 260 kes memabatkan penularan tempatan sebanyak 259 dan satu kes import dilaporkan di Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Malaysia pernah mencatatkan kes Covid-19 tertinggi pada 4 Jun lalu iaitu sebanyak 277 kes.

Beliau berkata, dengan 260 kes positif yang dicatat semalam, ia merupakan kes kedua tertinggi pernah dicatatkan.



NOOR HISHAM

"Ini sememangnya angka yang merisaukan. Bilangan kes ketiga tertinggi pula dicatat pada 26 Mac lalu iaitu semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 1, iaitu sebanyak 235 kes.

"Jika dilihat pada peningkatan kes mutakhir ini, ia tertumpu di dua buah negeri iaitu Sabah dan Kedah. Namun, kini terdapat juga kes-kes dan kluster-kluster baharu yang dikesan di negeri-negeri lain," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, terdapat empat kluster baharu dikenal pasti iaitu Kluster Jalan Meru di Selangor dengan empat kes, Kluster Joo Hwa di Tawau (lima kes), Kluster Selasih di Kuala Lumpur (tujuh kes) dan Kluster Bah Ketil di Kedah (sembilan kes).

"Kluster Selasih dan Kluster Bah Ketil masing-masing memabatkan kes indeksnya iaitu kes ke-11,134 dan kes ke-11,129 pernah ke Sabah pada bulan lalu," katanya.

Beliau berkata, Sabah men-

catkan 118 kes penularan harian tertinggi dengan lima kluster aktif merekodkan pertambahan kes iaitu Kluster Laut sebanyak 74 kes, Kluster Benteng LD (10), Kluster Bangau-Bangau (10), Kluster Bakau (satu) dan Kluster Kampung Sakong (satu).

"Kedah mencatatkan sebanyak 98 kes dengan Kluster Tembok di Alor Setar merekodkan 88 kes. Daripada 259 kes penularan di dalam negara, sebanyak 31 kes mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

"Ini menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 119 kes," katanya.

Katanya, wilayah lain negeri lain yang mencatatkan kes semalam ialah Kuala Lumpur de-



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	260
Import: 1 Tempatan: 259	
• Pulih	47
• Kematian	0
• Masih dirawat	1,334
• Jumlah kes sembuh	10,014
• Jumlah Kematian	136
Jumlah kes keseluruhan	11,484

ngan 12 kes, Selangor (sembilan), Putrajaya (lima), dua di Terengganu dan Perlis serta masing-masing satu di Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Johor.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

260 kes baharu, tertinggi sejak PKPP

Sebanyak 259 kes penularan dalam negara dan hanya satu kes import dilaporkan

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes harian positif koronavirus (Covid-19) terus melonjak kepada 260 kes sekali gus menjadi yang tertinggi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu hanya satu kes import dan 259 kes penularan dalam negara.

"Daripada 259 kes penularan tempatan, sejumlah 31 kes

adalah mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sejak 20 September lalu, seramai 119 individu didapati positif Covid-19 yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

Menurutnya, negeri Sabah masih lagi mencatatkan kes harian tertinggi dengan 118 kes.

"KKM mengesan sejumlah 74 kes daripada Kluster Laut yang kesemuanya melibatkan bukan warganegara, 10 kes daripada Kluster Benteng LD, 10 kes daripada Kluster Bangau-Bangau dan sebanyak 11 kes saringan berjejala," katanya.

Beliau berkata, enam kes dikenal pasti dalam saringan komuniti, masing-masing satu kes daripada Kluster Bakau, Kluster Joo Hwa, Kluster Sa-



DR NOOR HISHAM

kong, kes saringan rujukan ke hospital, prapembedahan, kontak rapat dan saringan masuk kerja.

Jelasnya, di Kedah, sebanyak 98 kes dikesan yang terdiri daripada 88 kes Kluster Tembok dan lima kes saringan kontak rapat serta tiga daripada Kluster Bah Ketil.

"Dua kes lagi adalah daripada saringan. Pulang dari Sabah dan saringan berjejala," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan sebanyak 13 kes iaitu 12 kes pulang dari Sabah, manakala satu saringan kepada kontak rapat.

"Di Selangor, sejumlah 13 kes baharu dicatatkan melibatkan sembilan pulang dari Sabah, tiga Kluster Jalan Meru dan satu kes berjejala.

"Saya hanya ingatkan rakyat duduk di rumah"

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menjelaskan ciapan yang dimuat naik olehnya awal pagi semalam sebagai mengingatkan semula rakyat agar tinggal di rumah sekiranya tiada keperluan di luar.

"Perkara (peringatan) itu bukan perkara baharu. Sekali lagi saya nasihat rakyat Malaysia yang tidak ada urusan penting dinasihatkan duduk di rumah.

"Di Johor pula, KKM merekodkan lima kes terdiri daripada empat Kluster Bakawali dan satu kes pulang dari Sabah," katanya.

Di Putrajaya, lima kes baharu direkodkan melibatkan Klus-

"Itu tujuan utama saya tweet, hanya memperingati rakyat Malaysia untuk duduk di rumah kalau tiada urusan penting," katanya di sini semalam.


Awal pagi semalam, Dr Noor Hisham memuat naik ciapan 'how about all stay at home for a while again?'

Status itu menyebabkan pengguna media sosial membayangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan semula.

ter Selasih manakala Terengganu serta Perlis masing-masing dua kes pulang dari Sabah.

"Melaka, Pahang, Pulau Pinang juga masing-masing merekodkan satu kes pulang dari Sabah," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Kes positif Covid-19 naik mendadak, 260 kes positif, 4 kluster baharu

Risiko PKP kedua

Oleh **HASIF IDRIS**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Negara kini berdepan dengan risiko pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan kedua berikutan peningkatan mendadak kes baharu Covid-19.

Hari ini sebanyak 260 kes baharu dicatatkan iaitu yang kedua tertinggi sejak penularan wabak itu di negara ini dengan yang tertinggi 275 kes dicatatkan pada Jun lalu.

Peningkatan kes itu kebanyakannya berpunca daripada mereka yang terlibat berkempen Pilihan Raya Negeri Sabah dan gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengelak jangkitan wabak pandemik itu.

Ini termasuk kegagalan mematuhi prosedur kuarantin 14 hari di kediaman sendiri.

Bangunan pentadbiran kerajaan negeri di Kompleks Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka ditutup susulan operasi nyah cemar berikutan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang baharu pulang dari Sabah positif Covid-19.



HAMPIR 600 murid menjalani ujian saringan Covid-19 di Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus, Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang berikutan seorang guru wanita di sekolah tersebut positif Covid-19. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR (Lagi berita di muka 4 & 5)

Bersambung di muka 4

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Battling Covid-19

DG: Stay vigilant and don't let your guard down

PUTRAJAYA: "If you think that the situation has resumed to normal, that is a big mistake. The Covid-19 infections will continue to go up," warns Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

With the number of Covid-19 cases in the country showing a spike, he urged Malaysians to stay vigilant and to not let their guard down in managing the pandemic.

Folks should lessen their time outside their homes if they do not have important things to do.

"If you have important work outside, adhere to the SOP (standard operating procedure) at all times," he said at the ministry's Covid-19 press conference.

Dr Noor Hisham said the past nine months of dealing with Covid-19 may have caused people to feel fatigued with the new norms.

"In the last few months, perhaps many members of the public as well as healthcare workers feel fatigued for having to comply with the SOP at all times.

"But be reminded, the virus does not experience any fatigue.

"If you take things easily, a rise in infection will happen," said Dr Noor Hisham.

Malaysia recorded 260 new Covid-19 cases yesterday, which is the second highest increase in a single day since the outbreak began in January.

Dr Noor Hisham expressed belief that the country will be able to weather the current storm, as it has the experience of dealing with large waves in the past.

"It is up to us to flatten the curve. We have done it before, and we can do it again," he said.

Meanwhile, Dr Noor Hisham denied accusations of a late health response in Sabah, saying that earlier preparations were taken to help curb the spread of Covid-19 prior to the state polls.

He said public health interventions were done much earlier, such as closure of markets and cooperation from the armed forces to strengthen restrictions at the borders to stop illegal foreign workers coming into the country.

"The reason we did not announce it is ... if we announce a temporary movement control order, we are forcing people to stay at home.

"So, indirectly, we do not want to be seen stopping people from participating in the state election," he said.

He was asked to comment why official restrictions were only announced on Sept 27, a day after the Sabah polls, despite a rise in cases in the state.

New Covid-19 cases surge

Four new clusters detected in Kedah, Putrajaya, Tawau and Sabah

PUTRAJAYA: Malaysia saw a surge in new Covid-19 cases after 260 infections were recorded in the country.

This is the highest increase in cases of the recovery movement control order (MCO) phase since it began on June 9.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said at the ministry's Covid-19 press conference that all cases were local transmissions, except for one imported infection.

Sabah recorded the highest number of new cases with 118, followed closely by Kedah with 98 cases.

Kuala Lumpur recorded 14 cases followed by Selangor with 13, Putrajaya (five), Terengganu (two), Perlis (two), Pahang (one), Penang (one) and Melaka (one).

Of the total number of cases, 31 of them involved those who had just returned from Sabah recently.

The Tembok cluster in Kota Setar, Kedah, saw a rise in cases with 88 new infections. This brings its total of cases to 91.

There were four new clusters detected by the Health Ministry, in Kedah, Putrajaya, Tawau and Sabah.

The Bah Ketil cluster, identified in Baling and Langkawi in Kedah, has recorded nine cases so far.



Updating statistics: Dr Noor Hisham speaking during a press conference on Covid-19 at the Health Ministry in Putrajaya. — Bernama

"The index case cluster involved a Malaysian aged 39 years old who has a travel history to Tawau, Sabah, from Sept 17 to 29.

"The patient had symptoms such as coughing and muscle pain since Sept 24 and received treatment at a health clinic in Sungai Petani, Kedah.

"Following that, a close contact screening was done and eight other

people have tested positive for Covid-19 within that identified cluster," said Dr Noor Hisham.

The Selasih cluster in Putrajaya also has a Sabah connection.

Dr Noor Hisham said the 37-year-old index case had travelled to Kota Kinabalu, Melangkap and Kundasang in Sabah recently.

"The patient started to show fever and cough symptoms on Sept 25

and had a Covid-19 test at KLIA on Sept 27. Subsequently his results came out positive the next day.

"Six other people have tested positive and all have been admitted to the Sungai Buloh Hospital," he said.

The Joo Hwa cluster in Tawau, Sabah originated from a 31-year-old man who began experiencing symptoms of fever and cough on Sept 14. He tested positive for Covid-19 on Sept 20.

Contact tracing found four more individuals who are infected.

The Jalan Meru cluster in Klang, Selangor involved a man aged 30 who started to display symptoms on Sept 24, before testing positive for the virus on Sept 29.

Screening of close contacts found three more individuals who are infected.

Dr Noor Hisham also said that there were no new deaths while 47 Covid-19 patients have recovered.

The total number of active cases in the country has now gone up to 1,334 cases.

Currently, 20 people are being treated at the intensive care unit, with three of them requiring ventilator support.

Cumulatively, the country's total cases since the outbreak began in January is 11,484.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 1 & 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Alarming spike

BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: A worrying surge in Covid-19 cases and the growing Rt (indicator of how fast the virus is spreading) could spell dark days ahead for Malaysians.

The "Rt" reference is the rate of infectivity, and estimates the average number of people that one positive Covid-19 patient can infect.

A health expert has called for inter-district movement control order (MCO) to be imposed in states where the situation is threatening to get out of control.

The number of cases jumped to 260 yesterday, the second highest in a day since June 4 when 277 cases were detected.

On top of that, all yesterday's cases but one were locally transmitted. The only imported case involved a returnee from the United Kingdom.

Of the 259 local cases, Sabah had

➤ Health expert proposes inter-district MCO at hotspot states as nationwide daily Covid new infections jump to 260

the highest number of 118, with 31 having a travel history to Sabah, followed by Kedah with 98, 13 cases in Kuala Lumpur and Selangor with 13.

The others were detected in Perlis (two), Penang (one), Terengganu (two), Pahang (one), Johor (five), Malacca (one) and Putrajaya (five).

Four new clusters were detected yesterday - Jalan Meru cluster in Selangor, Joo Hwa cluster in Sabah, Selasih cluster in Putrajaya and Bah Ketul cluster in Kedah.

A statewide order restricting travel will be imposed between districts in Sabah from 12.01am tomorrow to Oct 16.

With the Rt in Selangor hitting 1.95 on Wednesday (meaning one index

case can infect 1.95 people), head of the School of Medicine at Taylor's University Prof Dr Rusli Nordin said it would be best for an MCO to be implemented in Selangor.

However, he said a nationwide MCO is not necessary at the moment but tight controls are needed on inter-district and inter-state movement to prevent the situation from getting out of hand.

Rusli said despite being tested negative with an RT-PCR, or rapid antigen test, there were incidents of false negative test results. This is because the RTK-Ag test has a sensitivity of 90%, according to the Health Ministry.

Turn to
page 3



'Treat all returnees as likely cases'

According to a statement by the ministry in July, there could be false negative results for 10 people out of 100 people screened.

Rusli said it takes days after exposure for asymptomatic carriers to show symptoms, and the ministry should consider tighter controls in Selangor to reduce the Rt rate to below 1.0.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that those who tested negative will not have to undergo mandatory home quarantine upon returning from Sabah.

Sarawak has imposed a compulsory home isolation of 14 days for people entering the state from Sabah and Labuan, with tests taken on day two and day 14 of quarantine.

Noor Hisham yesterday said returnees would only be isolated if they were tested negative but were exposed to positive patients. Those who showed symptoms but tested negative would also be quarantined.

On Wednesday, Noor Hisham said Selangor recorded a 1.95 Rt due to a jump in the number of daily Covid-19 cases of between 10 and 15 compared to its previous figures of only two or three cases daily. Sabah's Rt figure was 1.26 and Kedah's rate was 0.65.

Epidemiologist Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud, a professor at Universiti Malaya, said the number of cases in Selangor was generally low previously but those who returned from Sabah had caused a sudden increase of cases in Selangor.

"When people started coming back from Sabah, they brought the virus back with them and spread it to others. So the numbers just jumped, causing the Rt to spike," he said.

"It is a concern and it needs to be tackled swiftly. If prompt actions are taken to address this, then we can stop it from spreading to others."

He said the Rt in Selangor is not expected to come down to below 1.0 within the next few days.

"That is why I am (all) for mandatory quarantine in centres for people coming back from Sabah, as it is obviously the hotspot in the country at the moment. We need to consider all returnees as possibly infected until proven otherwise," he said.

From
front
page